



[Home](#) / [2025](#) / [December](#) /

UiTM Kampus Bandaraya Melaka Santuni Komuniti Muslim Vietnam Menerusi Program Khidmat Masyarakat Pengantarabangsaan

BERITA SINERGI

30/12/2025 / ARNIDA JAHYA



Vietnam, 26 November 2025 – Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Bandaraya Melaka telah berjaya melaksanakan Lawatan Akademik dan Program Khidmat Masyarakat Pengantarabangsaan di Vietnam melibatkan seramai **27 pelajar Ijazah Sarjana Muda Perniagaan Antarabangsa (Kepujian)**. Program ini turut dibimbing oleh dua pensyarah pengiring, **Encik Isham bin Abidin** dan **Encik Rusydi bin Mohamad Kamal**, berteraskan tema “*Empowering Minds, Embracing Cultures*”.

Program khidmat masyarakat tersebut telah diadakan di **Masjid Nourul Ehsaan**, dengan objektif utama menyantuni komuniti setempat di samping memupuk semangat kesukarelawanan serta

meningkatkan kepekaan budaya dalam kalangan pelajar.

Sebagai komitmen terhadap tanggungjawab sosial universiti, pihak penganjur telah menyalurkan **sumbangan barangan keperluan harian** seperti beras, minyak masak, gula, garam dan keperluan asas lain kepada **100 keluarga**, dengan nilai keseluruhan **RM4,000**. Di samping itu, **sumbangan kewangan USD1,000** turut diberikan kepada Masjid Nourul Ehsaan bagi menyokong aktiviti dan pembangunan prasarana masjid tersebut.



Selaras dengan fokus terhadap pembangunan pendidikan komuniti, program ini turut menyampaikan **sumbangan alat tulis dan duit raya** kepada **100 orang kanak-kanak**, melibatkan peruntukan sebanyak **RM1,000**, bagi membantu keperluan pembelajaran serta memberi dorongan moral kepada golongan muda.

Selain itu, pelajar UiTM juga melaksanakan aktiviti pemindahan ilmu kepada kanak-kanak di perkampungan tersebut. Pengisian yang dijalankan merangkumi **kelas Bahasa Arab, kelas Bahasa Melayu serta aktiviti kesenian**, yang bukan sahaja memperkenalkan ilmu baharu tetapi turut mengeratkan hubungan budaya antara peserta dan komuniti tempatan.

Secara keseluruhan, program ini berjaya dilaksanakan dengan jumlah tajaan bernilai **RM12,000**,

merangkumi pembelian barangan sumbangan serta pengendalian aktiviti pembangunan masyarakat. Pelaksanaan program ini mencerminkan komitmen UiTM dalam memperkukuh pengantarabangsaan akademik, di samping melahirkan graduan yang berdaya saing, beretika dan peka terhadap tanggungjawab sosial di peringkat global.



Tags: [Masjid Nourul Ehsaan Vietnam](#), [UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya Melaka](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

World AIDS Day: Race To Zero-
Memacu Kesedaran HIV/AIDS Dan
Budaya Hidup Sihat Warga UiTM
Kuala Pilah

UiTM Cipta Malaysia Book Of
Records Bagi Penyertaan Oku
Teramai Dalam Aktiviti Mewarna Batik

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA
(UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor
Darul Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

